Dengan cadangan dan pengisytiharan bersama-sama dengan semua kenyataan yang dibuat oleh **Anda** secara bertulis, yang akan menjadi asas kontrak ini dan dianggap sebagai dipersatukan di sini, **Anda** telah memohon kepada **The Pacific Insurance Berhad**, untuk insurans berkenaan dengan setiap **Orang Yang Diinsuranskan** yang dinamakan atau diterangkan dalam **Jadual Polisi**.

Sebagai pertimbangan pembayaran premium dan tertakluk kepada definisi, pengecualian dan syarat yang terkandung, yang diendors atau dilampirkan pada **Polisi** ini, **Kami** dengan ini memberi perlindungan insurans kepada **Orang Yang Diinsuranskan** dan berjanji untuk membayar idemniti untuk kerugian mengikut **manfaat** yang diperuntukkan dalam **Jadual Polisi**. Resit **Anda** hendaklah dalam semua aspek menjadi pelepasan berkesan kepada **Kami**. **Tempoh Insurans** ini telah dinyatakan dalam **Jadual Polisi**.

Dokumen ini mengandungi **Polisi** insurans **Anda**, **Jadual Polisi**, terma **Polisi**, manfaat, syarat umum dan pengecualian. Adalah penting untuk **Anda** membaca dengan teliti dan memahami perkataan **Polisi** ini dan menyimpan perkataan dan **Jadual Polisi** **Anda** di tempat yang selamat sekiranya anda perlu merujuknya pada masa akan datang.

Polisi ini dikeluarkan oleh **The Pacific Insurance Berhad**.

DEFINISI

Kami menggunakan perkataan-perkataan tertentu dalam **Polisi** ini yang mempunyai makna khusus seperti yang dinyatakan di bawah. Perkataan-perkataan ini muncul dalam **Polisi**, **Jadual Polisi** atau mana-mana pengendorsan dan ditunjukkan dalam huruf tebal.

1. **Kemalangan** atau **Akibat Kemalangan** bermaksud peristiwa fizikal yang berlaku secara tiba-tiba, tidak dijangka dan kebetulan yang berlaku pada masa, tarikh dan tempat yang boleh dikenalpasti dalam **Tempoh Insurans**, yang hendaklah, tanpa sebarang sebab lain, menjadi punca tunggal yang menyebabkan **Kecederaan Badan**, **Hilang Upaya Kekal** atau **Kematian**.
2. **Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit** atau **AIDS** mempunyai erti yang diberikan kepadanya oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia termasuk jangkitan oportunistik, neoplasma malignan, Virus Kurang Imun Manusia (HIV), Encephalopathy (Dementia), Sindrom Pembaziran HIV atau sebarang penyakit dalam kehadiran ujian sero-positif untuk HIV.
3. **Tindakan Keganasan** bermaksud perbuatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan kekerasan atau keganasan, oleh mana-mana orang atau kumpulan orang, sama ada bertindak sendirian atau bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana organisasi atau kerajaan yang komited untuk tujuan atau sebab politik, agama, ideologi, atau etnik termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau menyebabkan orang awam, atau sebahagian orang awam, berada dalam ketakutan.
4. **Umur** bermaksud **Umur Orang Yang Diinsuranskan** pada hari lahir yang lepas.
5. **Pengamal Perubatan Alternatif** bermaksud seorang pakar herba, pengamal akupunktur, jurupulih tulang, atau kiropraktor yang dilesenkan untuk mengamalkan perubatan Cina di bawah undang-undang yang berkenaan dan bertindak mengikut skop lesen dan latihan mereka. **Pengamal Perubatan Alternatif** yang merawat mestilah bukan **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan**, ahli keluarga terdekat **Orang Yang Diinsuranskan**, rakan perniagaan, majikan atau pekerja; atau seseorang yang berkaitan dengan **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan** dalam apa jua cara.

6. **Kecederaan Badan** bermaksud kecederaan tubuh fizikal berpunca semata-mata dan secara langsung daripada sesuatu **Kemalangan** dan tidak termasuk kecederaan akibat penyakit atau gangguan kesihatan.
7. **Kematian** bermaksud kematian **Orang Yang Diinsuranskan** yang disebabkan semata-mata dan tanpa sebarang sebab lain, oleh **Kemalangan**.
8. **Tarikh Kuat Kuasa** bermaksud tarikh di mana perlindungan insurans di bawah **Polisi** ini mula berkuat kuasa seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual Polisi**.
9. **Hospital** bermaksud tempat yang memegang lesen yang sah, beroperasi terutamanya untuk penjagaan dan rawatan orang sakit atau cedera, mempunyai kakitangan yang terdiri daripada seorang atau lebih, **Doktor Perubatan** yang sedia ada pada setiap masa, menyediakan perkhidmatan kejururawatan 24 jam dan mempunyai sekurang-kurangnya seorang jururawat profesional berdaftar yang bertugas pada setiap masa, mempunyai kemudahan diagnostik dan pembedahan yang tersusun, dan bukan, kecuali secara kebetulan, klinik, rumah penjagaan, rumah rehat, atau rumah pemulihan untuk orang tua, atau kemudahan yang dikendalikan sebagai pusat rawatan dadah dan/atau alkohol.
10. **Penyakit** bermaksud keadaan fizikal yang ditandai oleh sisihan patologi daripada keadaan kesihatan biasa.
11. **Orang Yang Diinsuranskan** bermaksud orang-orang yang dilindungi seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi**.
12. **Doktor Perubatan** bermaksud seorang pengamal perubatan yang berkelayakan dan berdaftar yang dilesenkan untuk mengamalkan perubatan barat di bawah undang-undang tempatan yang terpakai dan bertindak dalam skop pelesenan dan latihannya. **Doktor Perubatan** yang merawat tidak terdiri daripada **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan**, ahli keluarga terdekat **Orang Yang Diinsuranskan**, rakan perniagaan, majikan atau pekerja; atau seseorang yang berkaitan dengan **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan** dalam apa jua cara.
13. **Perbelanjaan Perubatan** bermaksud perbelanjaan yang perlu dan munasabah yang ditanggung dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar selepas mengalami **Kecederaan** dan dibayar oleh **Anda** kepada seorang **Doktor Perubatan** atau **Pengamal Perubatan Alternatif**, **Hospital** (termasuk Bilik dan Penginapan) dan/atau perkhidmatan untuk rawatan klinikal, perubatan dan/atau pembedahan, X-ray atau rawatan kejururawatan termasuk kos bekalan perubatan dan sewaan ambulans.

Semua rawatan dan perkhidmatan termasuk ubat-ubatan harus bersifat lazim untuk rawatan keadaan yang **Anda** alami dan tidak boleh bersifat eksperimen atau elektif.
14. **Mendaki gunung** bermaksud pendakian atau penurunan gunung yang biasanya memerlukan penggunaan tali, panduan oleh pakar, dan peralatan tertentu, termasuk tetapi tidak terhad kepada crampons, beliang, sauh, baut, karabiner, dan/atau peralatan mendaki "lead-rope" atau "top-rope".
15. **Di luar negara/di seluruh dunia** bermaksud di luar batas wilayah Malaysia.
16. **Tempoh Insurans** bermaksud tempoh masa **Polisi** seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi**.
17. **Hilang Upaya Kekal** bermaksud kehilangan upaya yang berlaku semata-mata, secara langsung daripada **Kecederaan Badan** yang berkekalan selama dua belas (12) bulan kalendar berturut-turut dari tarikh **Kecederaan Badan** dan pada tamat tempoh itu, kehilangan upaya tersebut disifatkan melebihi sebarang harapan yang munasabah untuk pulih sediakala.
18. **Hilang Upaya Menyeluruh Kekal** bermaksud hilang upaya yang disebabkan semata-mata, secara langsung dan bebas daripada semua sebab lain kecuali akibat **Kecederaan Badan**, serta berlaku dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar berturut-turut dan kemungkinan besar mencegah **Orang Yang Diinsuranskan** daripada melakukan sebarang pekerjaan untuk seumur hidup dan yang mana tiada harapan untuk pulih sediakala.
19. **Polisi** bermaksud kontrak insurans **Anda** yang terdiri daripada kata-kata **Polisi** ini dan **Jadual Polisi**, Endosmen atau Penambahan.
20. **Pemegang Polisi** bermaksud orang atau syarikat yang membeli **Polisi** ini dan seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi**.
21. **Jadual Polisi** bermaksud dokumen yang dikeluarkan sebagai bukti insurans yang memberi butiran seperti, tetapi tidak terhad kepada, **Pemegang Polisi**, **Orang Yang Diinsuranskan**, **Tempoh Polisi**, manfaat, premium, had liabiliti, penolakan, yang dilampirkan dan membentuk sebahagian daripada **Polisi** dan ditandatangani oleh **Kami**.
22. **Keadaan Yang Sedia Ada** bermaksud sebarang keadaan di mana **Orang Yang Diinsuranskan** telah menerima atau sedang menerima rawatan perubatan, nasihat untuk rawatan, diagnosis, perundingan atau ubat yang ditetapkan dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar sebelum tarikh **Orang Yang Diinsuranskan** dilindungi di bawah **Polisi** ini. Ini juga termasuk sebarang keadaan di mana nasihat atau rawatan perubatan disyorkan oleh **Doktor Perubatan** dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar sebelum tarikh **Orang Yang Diinsuranskan** diinsuranskan di bawah **Polisi** ini.
23. **Jumlah Prinsipal Diinsuranskan** bermaksud jumlah asas yang diinsuranskan mengikut jenis pelan yang dibeli di bawah Seksyen 1 - Kematian Akibat Kemalangan atau Hilang Upaya Kekal seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi**.
24. **Profesional** bermaksud sebarang sukan atau aktiviti atau pekerjaan dimana **Orang Yang Diinsuranskan** terima apa-apa bayaran atau ganjaran kewangan, akibat daripada penyertaan langsung mereka di dalamnya yang merupakan sumber utama pendapatan mereka.
25. **Peperangan** bermaksud perang dan apa-apa aktiviti yang seperti peperangan, sama ada diisytiharkan atau tidak, termasuk penggunaan pasukan tentera oleh mana-mana negara berdaulat untuk mencapai ekonomi, geografi, kebangsaan, politik, kaum, agama atau lain-lain.
26. **Kami/Kita/Syarikat** bermaksud The Pacific Insurance Berhad.
27. **Anda** bermaksud **Pemegang Polisi** dan/atau **Orang Yang Diinsuranskan** sebagaimana yang berkenaan dan seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi**.

KELAYAKAN

1. **Orang Yang Diinsuranskan** mestilah merupakan seorang warganegara Malaysia, penduduk tetap Malaysia, pemegang permit kerja, pemegang pas atau bekerja secara sah di Malaysia atau tinggal secara sah di Malaysia.
2. Pada **Tarikh Kuat Kuasa Polisi** ini, **Orang Yang Diinsuranskan** mestilah berumur di antara enam belas (16) hingga tujuh puluh (70) tahun, dan boleh diperbaharui sehingga **Umur** lapan puluh (80) tahun.
3. Jika **Umur Orang Yang Diinsuranskan** berada di antara tujuh puluh satu (71) tahun hingga lapan puluh (80) tahun:
 - (a) dia tidak layak untuk manfaat di bawah:
 - (i) Seksyen 6 – Pendapatan Harian Hospital; dan
 - (ii) Seksyen 9 – Fraktur Tulang
 - (b) **Jumlah Prinsipal Diinsuranskan** di bawah Seksyen 1 – Kematian Akibat Kemalangan atau Hilang Upaya Kekal terhadap kepada maksimum RM500,000, atau sebagaimana yang ditunjukkan dalam **Jadual Polisi**, mana-mana yang lebih rendah.
4. Tiada perlindungan diberikan kepada **Orang Yang Diinsuranskan** yang berumur kurang dari enam belas (16) tahun atau melebihi lapan puluh (80) tahun, kecuali dengan kelulusan dari **Kami**.

MANFAAT

SEKSYEN 1 – KEMATIAN AKIBAT KEMALANGAN ATAU HILANG UPAYA KEKAL

A. Kematian Akibat Kemalangan

Kami akan membayar **Jumlah Prinsipal Diinsuranskan** jika **Orang Yang Diinsuranskan** mengalami **Kecederaan Badan Akibat Kemalangan** yang mengakibatkan **Kematian** dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar dari tarikh **Kemalangan**.

B. Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan

Kami akan membayar peratusan daripada **Jumlah Prinsipal Diinsuranskan** seperti yang dinyatakan dalam Jadual Pampasan Hilang Upaya Kekal, jika **Orang Yang Diinsuranskan** mengalami **Kecederaan Badan Akibat Kemalangan** yang mengakibatkan **Hilang Upaya Kekal** dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar dari tarikh **Kemalangan**.

JADUAL PAMPASAN HILANG UPAYA KEKAL			
HILANG UPAYA KEKAL		Peratusan daripada Jumlah Prinsipal Diinsuranskan	
<i>Nota: Peristiwa-peristiwa berikut perlu berlaku dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar dari tarikh Kemalangan.</i>			
1.	Kehilangan dua anggota badan	100%	
2.	Kehilangan kedua-dua belah tangan, atau kesemua jari dan kedua-dua ibu jari	100%	
3.	Kehilangan penglihatan kedua-dua mata	100%	
4.	Lumpuh Sepenuhnya	100%	
5.	Kecederaan yang menyebabkan terlanjar secara kekal	100%	
6.	Sebarang kecederaan lain yang menyebabkan Hilang Upaya Menyeluruh Kekal	100%	
7.	Kehilangan lengan dari paras bahu	100%	
8.	Kehilangan lengan antara paras bahu dan siku	100%	
9.	Kehilangan lengan dari paras siku	100%	
10.	Kehilangan lengan antara siku dan pergelangan tangan	100%	
11.	Kehilangan lengan di paras pergelangan tangan	100%	
12.	Kehilangan Kaki	Pada paras pinggul	100%
		Di antara lutut dan pinggul	100%
		Di bawah lutut	100%
13.	Mata: Kehilangan	Seluruh mata	100%
		Penglihatan sepenuhnya pada satu mata	100%
		Penglihatan sepenuhnya pada satu mata, kecuali bayangan cahaya	50%
		Kanta satu mata	50%
14.	Kehilangan empat jari	40%	
15.	Kehilangan ibu jari	Kedua-dua ruas jari	30%
		Satu ruas jari	15%
16.	Kehilangan jari telunjuk	Tiga ruas jari	15%
		Dua ruas jari	10%
		Satu ruas jari	5%
17.	Kehilangan jari hantu	Tiga ruas jari	8%
		Dua ruas jari	5%
		Satu ruas jari	3%
18.	Kehilangan jari manis	Tiga ruas jari	6%
		Dua ruas jari	5%
		Satu ruas jari	3%
19.	Kehilangan jari kelengkeng	Tiga ruas jari	5%
		Dua ruas jari	4%
		Satu ruas jari	3%
20.	Kehilangan metakarpal	Pertama atau kedua (tambahan)	4%
		Ketiga, keempat atau kelima (tambahan)	3%
21.	Kehilangan jari kaki	Semua ruas jari	20%
		Ibu jari, kedua-dua ruas jari	8%
		Ibu jari, satu ruas jari	3%
		Selain ibu jari, jika lebih daripada satu jari setiap satu	2%
22.	Kehilangan pertuturan dan pendengaran yang kekal di kedua-dua telinga	100%	

JADUAL PAMPASAN HILANG UPAYA KEKAL			
HILANG UPAYA KEKAL			Peratusan daripada Jumlah Prinsipal Diinsuranskan
<i>Nota: Peristiwa-peristiwa berikut perlu berlaku dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar dari tarikh Kemalangan.</i>			
23.	Kehilangan pendengaran	Kedua-dua belah telinga	75%
		Sebelah telinga	25%
24.	Kehilangan upaya bertutur		50%
25.	Kependekan lengan	Melebihi 1" sehingga 2"	2.5%
		Melebihi 2" sehingga 4"	5%
		Melebihi 4"	12.5%
26.	Kependekan kaki	Melebihi 1" sehingga 2"	5%
		Melebihi 2" sehingga 4"	10%
		Melebihi 4"	25%

Dengan syarat:

- Jika sebarang **Kehilangan Upaya Kekal** tidak dinyatakan dalam Jadual Pampasan, tiada manfaat akan dibayar di bawah Seksyen ini.
- Kami** tidak akan membayar manfaat melainkan **Orang Yang Diinsuranskan** telah, secepat mungkin selepas mengalami kecederaan, mendapatkan dan mematuhi nasihat perubatan yang sewajarnya daripada seorang **Doktor Perubatan**.
- Kehilangan kekal anggota badan hendaklah dalam bentuk kehilangan secara pemisahan fizikal pada atau di atas sendi pergelangan tangan atau pergelangan kaki atau hilang upaya fungsi sepenuhnya kekal dan dianggap seperti kehilangan keseluruhan anggota badan atau organ atau fakulti dan bukan dari segi ketidakupayaan profesional atau pekerjaan **Orang Yang Diinsuranskan** atau peristiwa yang dilindungi. Kehilangan pertuturan bermaksud ketidakupayaan kekal sepenuhnya untuk berkomunikasi secara lisan. Kehilangan pendengaran bermaksud kehilangan pendengaran kekal yang tidak dapat dipulihkan lagi.
- Jumlah agregat semua peratusan yang boleh dibayar berkenaan dengan mana-mana satu **Kemalangan** untuk semua manfaat yang boleh dibayar di bawah Seksyen 1A dan 1B **Polisi** ini tidak boleh melebihi seratus peratus (100%) daripada **Jumlah Prinsipal Diinsuranskan** yang telah diperuntuk kepada **Orang Yang Diinsuranskan** seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi**. Sekiranya jumlah keseluruhan seratus peratus (100%) telah dibayar dalam **Tempoh Insurans**, semua manfaat insurans ini akan terbatal dengan serta-merta. Semua kerugian lain yang kurang daripada seratus peratus (100%) jika telah dibayar akan mengurangkan perlindungan sebanyak jumlah tersebut dari tarikh **Kemalangan** sehingga tamat tempoh **Polisi** ini.

SEKSYEN 2 – INDEMNITI BERGANDA

Manfaat bagi **Jumlah Prinsipal Diinsuranskan** di bawah **Polisi** ini akan digandakan, jika **Orang Yang Diinsuranskan** mengalami sama ada **Kematan** atau **Hilang Upaya Menyeluruh Kekal** atau lumpuh keseluruhan badan dari leher ke bawah atau kehilangan keseluruhan penggunaan kekal sekurang-kurangnya dua (2) anggota badan akibat **Kemalangan** semasa:

- perjalanan sebagai penumpang yang membayar tambang dalam mana-mana mod pengangkutan awam;
- perjalanan ke **Luar Negara*** sebagai penumpang yang membayar tambang dalam mana-mana mod pengangkutan awam; atau
- perjalanan sebagai penumpang yang membayar tambang pada mana-mana perkhidmatan e-hailing yang diluluskan oleh kerajaan.

* Perjalanan ke **Luar Negara** dalam konteks ini bermaksud yang berikut:

- Jika **Orang Yang Diinsuranskan** adalah warganegara Malaysia – **Orang Yang Diinsuranskan** dalam perjalanan keluar dan di luar Malaysia. Jika **Orang Yang Diinsuranskan** juga mempunyai kediaman tetap di negara lain, maka manfaat ini hanya terpakai jika **Orang Yang Diinsuranskan** dalam perjalanan keluar dari Malaysia dan keluar dari negara tersebut di mana dia mempunyai kediaman tetap.
- Jika **Orang Yang Diinsuranskan** adalah warganegara Malaysia yang bekerja secara sah di luar negara – **Orang Yang Diinsuranskan** dalam perjalanan keluar dari Malaysia dan keluar dari negara tempat dia bekerja.
- Jika **Orang Yang Diinsuranskan** bukan warganegara Malaysia dan sah bekerja di Malaysia – **Orang Yang Diinsuranskan** dalam perjalanan keluar dari Malaysia dan/atau keluar dari negara asalnya.

Nota: Indemniti Berganda hanya terpakai bagi salah satu perkara (a), (b) atau (c) di atas.

Jika tuntutan telah dibayar di bawah manfaat ini, **Polisi** ini akan terbatal dengan serta-merta.

SEKSYEN 3 – PERBELANJAAN PERUBATAN DAN PEMBEDAHAN AKIBAT KEMALANGAN

Kami akan membayar balik **Perbelanjaan Perubatan Orang Yang Diinsuranskan** akibat daripada **Kemalangan**. Manfaat maksimum yang boleh dibayar akibat mana-mana satu **Kemalangan**/hilang upaya atau dalam **Tempoh Insurans** tidak boleh melebihi jumlah yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi**.

Perbelanjaan Perubatan adalah termasuk perbelanjaan yang ditanggung untuk **Hospital** (termasuk Bilik dan Penginapan), rawatan klinikal, perubatan dan pembedahan, serta Rawatan Perubatan Alternatif*.

* Rawatan Perubatan Alternatif:

- Bagi mengelakkan keraguan, **Kami** akan membayar balik kos mana-mana Rawatan Perubatan Alternatif termasuk ubat yang diterima oleh **Orang Yang Diinsuranskan** akibat daripada **Kemalangan** sehingga RM50 bagi setiap lawatan dan sehingga maksimum RM500 bagi setiap **Kemalangan** dan untuk **Tempoh Insurans**.

Pampasan di bawah seksyen ini hanya akan dibayar jika rawatan perubatan dan/atau pembedahan tersebut diberikan kepada **Orang Yang Diinsuranskan** oleh seorang **Doktor Perubatan** yang berkelayakan atau seorang **Pengamal Perubatan Alternatif** yang berdaftar dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar selepas tarikh **Kemalangan**, dengan syarat bahawa perbelanjaan pertama ditanggung dalam tempoh dua puluh enam (26) minggu sejeurus selepas tarikh **Kemalangan**. Manfaat ini hanya akan dibayar jika **Orang Yang Diinsuranskan** memberikan kepada **Kami** bil perubatan yang asal yang dikeluarkan oleh seorang **Doktor Perubatan** yang berkelayakan atau seorang **Pengamal Perubatan Alternatif** yang disahkan.

SEKSYEN 4 – BAYARAN LAPORAN PERUBATAN

Kami akan membayar balik kos laporan perubatan sehingga jumlah yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi** jika laporan tersebut diperlukan secara khusus oleh Kami untuk pemprosesan tuntutan.

SEKSYEN 5 – BAYARAN AMBULANS

Kami akan membayar balik caj yang ditanggung oleh **Orang Yang Diinsuranskan** untuk perkhidmatan ambulans yang diperlukan di Malaysia (termasuk atendan) ke dan/atau dari **Hospital** sehingga RM500 dengan syarat Bayaran Ambulans tersebut ditanggung akibat daripada **Kemalangan** kepada **Orang Yang Diinsuranskan**.

SEKSYEN 6 – PENDAPATAN HARIAN HOSPITAL

Dalam keadaan di mana **Orang Yang Diinsuranskan** memerlukan kemasukan ke hospital akibat daripada suatu **Kemalangan**, **Syarikat** akan membayar manfaat harian seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi** untuk tempoh kemasukan ke hospital, sehingga maksimum seratus dua puluh (120) hari mana-mana satu **Tempoh Insurans**. Pampasan harian di bawah manfaat ini hanya dibayar jika **Orang Yang Diinsuranskan** dimasukkan ke hospital dalam tempoh dua puluh satu (21) hari dari tarikh **Kemalangan**. Manfaat ini hanya dibayar jika **Orang Yang Diinsuranskan** dimasukkan ke hospital selama lebih daripada dua belas (12) jam. Tempoh rawatan berterusan di **Hospital** disebabkan oleh punca yang sama akan dianggap sebagai satu **Kemalangan**.

SEKSYEN 7 – KEMATIAN AKIBAT DEMAM DENGGI

Kami akan membayar 10% daripada **Jumlah Prinsipal Diinsuranskan** seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi**, jika **Orang Yang Diinsuranskan** meninggal dunia akibat Demam Denggi, yang dikesan semasa **Tempoh Insurans**. Kami hanya akan membayar manfaat ini jika kematian berlaku selepas tiga puluh (30) hari dari **Tarikh Kuat Kuasa Polisi**.

Semua tuntutan harus disokong dengan sijil kematian rasmi, di mana punca kematian yang tertera adalah Demam Denggi.

SEKSYEN 8 – LUKA LECUR

Kami akan membayar Peratusan daripada **Jumlah Yang Diinsuranskan** untuk **Luka Lecur** seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi** berdasarkan Jadual Pampasan untuk Luka Lecur, sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** mengalami **Kecederaan Badan Akibat Kemalangan** semasa **Tempoh Insurans** yang mengakibatkan Luka Lecur – Tahap Kedua, Tahap Ketiga dan ke atas, dengan syarat agnosis disahkan oleh **Doktor Perubatan**.

A. Luka Lecur Tahap Kedua

Luka Lecur Tahap Kedua bermaksud kedua-dua epidermis dan dermis yang berada di bawahnya mengalami kerosakan.

JADUAL PAMPASAN UNTUK LUKA LECUR		
Luka Lecur Tahap Kedua		Peratusan daripada Jumlah Yang Diinsuranskan untuk Luka Lecur
<i>Nota: Peristiwa-peristiwa berikut perlu berlaku dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar dari tarikh Kecederaan Badan dan semasa Polisi berkuat kuasa.</i>		
(a)	Wajah, leher dan kepala	100%
(b)	Tangan dan lengan di bawah sendi siku (kanan)	25%
(c)	Tangan dan lengan di bawah sendi siku (kiri)	20%
(d)	Lengan dari bawah sendi bahu hingga siku (kanan)	15%
(e)	Lengan dari bawah sendi bahu hingga siku (kiri)	10%
(f)	Torso di bawah leher, bahagian bahu atas dan sendi pinggul	36%
(g)	Paha di bawah sendi pinggul hingga sendi lutut	9%
(h)	Kaki dan bahagian kaki di bawah sendi lutut	27%

B. Luka Lecur Tahap Ketiga dan ke atas

Luka Lecur Tahap Ketiga bermaksud luka lecur yang mengakibatkan kerosakan atau kemusnahan kulit sehingga ke dalam lapisan kulit dan kerosakan kepada tisu di bawahnya.

JADUAL PAMPASAN UNTUK LUKA LECUR		
Luka Lecur Tahap Ketiga dan ke atas		Peratusan daripada Jumlah Yang Diinsuranskan untuk Luka Lecur
<i>Nota: Peristiwa-peristiwa berikut perlu berlaku dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar dari tarikh Kecederaan Badan dan semasa Polisi berkuat kuasa.</i>		
Sama dengan atau lebih besar daripada:		
(a)	2% tetapi kurang daripada 5% keseluruhan kepala	50%
(b)	5% tetapi kurang daripada 8% keseluruhan kepala	75%
(c)	8% daripada keseluruhan kepala	100%
(d)	10% tetapi kurang daripada 15% keseluruhan badan	50%
(e)	15% tetapi kurang daripada 20% keseluruhan badan	75%
(f)	20% daripada keseluruhan badan	100%

Jumlah yang perlu dibayar bagi "A. Luka Lecur Tahap Kedua" dan "B. Luka Lecur Tahap Ketiga dan ke atas" disebabkan oleh **Kecederaan Badan** yang sama adalah hasil daripada penambahan peratusan bagi setiap Peristiwa tetapi tidak boleh melebihi seratus peratus (100%) daripada Jumlah Yang Diinsuranskan untuk Luka Lecur yang ditunjukkan dalam Jadual Pampasan untuk Luka Lecur. Manfaat ini tertakluk kepada maksimum satu (1) luka lecur bagi setiap **Orang Yang Diinsuranskan** dalam **Tempoh Insurans**.

Berkenaan dengan manfaat ini, **Kami** tidak akan membayar pampasan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada, berkenaan dengan, disebabkan oleh selaran matahari, penyamakan dalam ("in-door tanning"), penyamakan kulit untuk tujuan kosmetik ("cosmetic tanning"), atau prosedur estetik.

SEKSYEN 9 – FRAKTUR TULANG

Kami akan membayar Peratusan daripada Jumlah Yang Insuranskan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Pampasan untuk Fraktur Tulang, sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** mengalami **Kecederaan Badan Akibat Kemalangan** semasa **Tempoh Insurans** yang mengakibatkan fraktur tulang (patah pada kesinambungan tulang), dengan syarat diagnosis disahkan oleh **Doktor Perubatan**.

JADUAL PAMPASAN UNTUK FRAKTUR TULANG		Peratusan daripada Jumlah Yang Diinsuranskan
Skala Fraktur <i>Nota: Peristiwa-peristiwa berikut perlu berlaku dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar dari tarikh Kecederaan Badan.</i>		
(a)	kolum vertebra (selain koksiks)	100%
(b)	pelvis atau pinggul	80%
(c)	tengkorak (selain hidung dan gigi)	30%
(d)	tulang dada, buku lali, atau satu atau lebih tulang kaki (femur, patella, tibia and fibula)	30%
(e)	tulang selangka, siku, pergelangan tangan atau satu atau lebih tulang lengan (humerus, radius, ulna)	15%
(f)	Tulang rusuk atau koksiks	10%
(g)	satu atau lebih tulang tangan, jari, kaki, ibu jari, ibu jari kaki, hidung, atau mana-mana tulang yang tidak disenaraikan secara spesifik dalam (a) hingga (f) di atas.	3%

Had Pampasan:

- Apabila lebih daripada satu jenis fraktur tulang berlaku berpunca daripada satu **Kemalangan**, peratusan tersebut ditambahkan bersama. Walau bagaimanapun, **Kami** tidak akan membayar lebih daripada seratus peratus (100%) **Jumlah Yang Diinsuranskan** seperti yang ditunjukkan dalam Jadual Pampasan untuk Fraktur Tulang.
- Manfaat ini tertakluk kepada maksimum satu (1) fraktur tulang bagi setiap **Orang Yang Diinsuranskan** dalam **Tempoh Insurans**.

SEKSYEN 10 – KOS PENGANTIAN ATAU PENGAMBILAN

Jika semasa **Tempoh Insurans**, **Orang yang Diinsuranskan** mengalami **Kematian Akibat Kemalangan** atau sebarang **Kecederaan Badan** yang menyebabkan **Hilang Upaya Kekal** yang menghalang **Orang Yang Diinsuranskan** daripada terlibat atau menghadiri pekerjaan atau pekerjaan yang dipegang sebelum **Kemalangan** tersebut, **Kami** akan membayar kepada **Pemegang Polisi** kos yang munasabah yang ditanggung oleh **Pemegang Polisi** untuk pengambilan kakitangan gantian sehingga jumlah yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi** berkenaan Kos Penggantian atau Pengambilan.

Kos mestilah ditanggung dalam tempoh empat puluh lima (45) hari dari (a) **Kematian Akibat Kemalangan** atau (b) **Kemalangan** yang menyebabkan **Hilang Upaya Kekal** dialami dan perlu bagi kesinambungan perniagaan **Pemegang Polisi**. Perlindungan ini tertakluk kepada **Pemegang Polisi** memberikan kepada **Kami** jaminan bertulis bahawa sebarang jumlah yang dibayar kepada **Pemegang Polisi** akan dipulangkan kepada **Kami**, jika kemudiannya didapati bahawa tuntutan yang sah tidak berlaku atau tidak akan berlaku.

SEKSYEN 11 – LIABILITI DIRI

Kami akan menanggung kerugian **Orang Yang Diinsuranskan** sehingga jumlah yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi** sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** disahkan bertanggungjawab untuk membayar kepada pihak ketiga berkenaan dengan **Kecederaan Badan Akibat Kemalangan** atau kerosakan harta benda akibat **Kemalangan**. Had wilayah dan bidang kuasa manfaat ini adalah di dalam Malaysia sahaja. Sekiranya sebarang tuntutan didapati melibatkan penipuan selepas pembayaran dibuat, **Kami** akan memulihkan/ mendapatkan semula semua pembayaran yang dibuat berkaitan dengan tuntutan yang melibatkan penipuan itu. **Kami** mempunyai hak mengambil apa-apa tindakan selanjutnya, termasuk tindakan undang-undang terhadap pihak yang menuntut dalam hal demikian.

Di bawah manfaat Liabiliti Diri, **Kami** akan, tertakluk kepada had liabiliti seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi**, menanggung kerugian **Orang Yang Diinsuranskan** berkaitan dengan:

- Semua jumlah yang **Orang Yang Diinsuranskan** bertanggungjawab disisi undang-undang untuk membayar pampasan berkenaan dengan:
 - Kecederaan Badan Akibat Kemalangan** kepada pihak ketiga.
 - Kerosakan harta benda kepunyaan pihak ketiga **Akibat Kemalangan**.
- Semua kos dan perbelanjaan untuk litigasi:
 - Diperolehi daripada **Orang Yang Diinsuranskan** oleh pihak ketiga.
 - Ditanggung dengan persetujuan bertulis **Kami** berkaitan dengan tuntutan terhadap **Orang Yang Diinsuranskan**, bagi pampasan yang mana indemniti yang dinyatakan dalam **Polisi** ini diguna pakai.

Kami tidak akan membayar melebihi jumlah seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi** semasa mana-mana satu **Tempoh Insurans**.

Sekiranya berlaku **Kematian** kepada **Orang Yang Diinsuranskan**, **Kami** akan berkenaan dengan liabiliti yang ditanggung oleh **Orang Yang Diinsuranskan**, menanggung rugi wakil diri yang sah **Orang Yang Diinsuranskan** mengikut terma dan tertakluk kepada pengehadan **Polisi** ini dengan syarat wakil diri yang sah tersebut hendaklah seolah-olah mereka adalah **Pemegang Polisi** mematuhi, memenuhi dan tertakluk kepada terma, pengecualian dan syarat **Polisi** setakat yang ia boleh diguna pakai.

Pengecualian Khusus

Kami tidak akan bertanggungjawab atas tuntutan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:

- Liabiliti yang ditanggung oleh **Orang Yang Diinsuranskan** melalui perjanjian melainkan jika liabiliti sedemikian dikaitkan dengan **Orang Yang Diinsuranskan** walaupun tiada persetujuan demikian.
- Liabiliti berkenaan dengan **Kecederaan Badan Akibat Kemalangan** ke atas mana-mana individu yang mana ketika mengalami kecederaan tersebut dia sedang terlibat dalam tugas perkhidmatan **Orang Yang Diinsuranskan** atau untuk pampasan yang dituntut daripada **Orang Yang Diinsuranskan** oleh individu yang cedera atau tanggungan di bawah undang-undang Pampasan Pekerja.

3. Liabiliti berkenaan dengan **Kecederaan Badan Akibat Kemalangan** kepada mana-mana individu yang merupakan ahli keluarga **Orang Yang Diinsuranskan** atau ahli rumah **Orang Yang Diinsuranskan**.
4. Liabiliti berkenaan dengan kerosakan harta benda milik atau di bawah jagaan atau kawalan **Orang Yang Diinsuranskan** atau mana-mana daripada pekerja atau ejen **Orang Yang Diinsuranskan**.
5. Liabiliti berkenaan dengan **Kecederaan Badan Akibat Kemalangan** atau kerosakan harta benda yang disebabkan oleh atau berkaitan dengan atau timbul daripada:
 - Pemilikan atau penguasaan atau penggunaan oleh atau bagi pihak **Orang Yang Diinsuranskan** terhadap mana-mana haiwan (selain anjing atau kucing), pesawat udara, motosikal, kenderaan, kapal atau kraf dalam apa jua bentuk;
 - Pemilikan atau penguasaan atau penggunaan oleh atau bagi pihak **Orang Yang Diinsuranskan** terhadap mana-mana tanah atau bangunan; atau
 - Mana-mana pekerjaan, profesion atau perniagaan **Orang Yang Diinsuranskan** atau apa-apa yang dilakukan berkaitan dengannya atau untuk tujuan tersebut.
6. Liabiliti dalam apa jua bentuk untuk:
 - Kecederaan diri atau **Kecederaan Badan** atau kehilangan, kerosakan kepada atau hilang penggunaan harta benda secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh kebocoran, pencemaran atau kontaminasi;
 - Kos membuang, menghilangkan kesan atau membersihkan bahan kebocoran, pencemaran atau kontaminasi; atau
 - Denda, penalti, ganti rugi penghukuman atau ganti rugi teladan.

Syarat Khusus

1. **Orang Yang Diinsuranskan** tidak boleh, tanpa kebenaran bertulis **Kami**, menolak liabiliti, berunding atau membuat sebarang pengakuan, tawaran, janji atau pembayaran berkaitan dengan sebarang kemalangan atau tuntutan.
2. **Kami** berhak, jika perlu, untuk mengambil alih dan menyelesaikan sebarang tindakan undang-undang atas nama **Orang Yang Diinsuranskan** atau mendakwa atas nama **Orang Yang Diinsuranskan** atas belanja **Orang Yang Diinsuranskan** sendiri dan untuk manfaat **Orang Yang Diinsuranskan** mana-mana tuntutan untuk pampasan atau ganti rugi atau terhadap mana-mana individu dan mempunyai budi bicara sepenuhnya dalam menjalankan sebarang prosiding dan dalam menyelesaikan sebarang tuntutan dan **Orang Yang Diinsuranskan** hendaklah memberikan semua maklumat dan bantuan yang **Kami** perlukan.
3. Jika pada waktu sebarang tuntutan dibuat di bawah **Polisi** ini dan terdapat sebarang insurans lain yang melindungi risiko yang sama atau mana-mana bahagian daripadanya, **Kami** tidak bertanggungjawab membayar lebih daripada bahagian perkadarnya.

SEKSYEN 12 – ELAUN PERKABUNGAN

Sekiranya berlaku **Kematian Orang Yang Diinsuranskan Akibat Kemalangan**, **Kami** akan membayar wakil diri yang sah **Orang Yang Diinsuranskan** jumlah seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi** sebagai elaun perkabungan tertakluk kepada penyerahan dokumen yang diperlukan.

SEKSYEN 13 – PENGHANTARAN PULANG JENAZAH

Kami akan membayar balik kepada wakil diri yang sah **Orang Yang Diinsuranskan** sehingga jumlah yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi** untuk perbelanjaan yang ditanggung untuk menghantar jenazah **Orang Yang Diinsuranskan** kembali ke negara asal **Orang Yang Diinsuranskan** jika **Kematian** disebabkan oleh **Kemalangan** semasa dalam perjalanan keluar dari negara asalnya.

Pembayaran balik perbelanjaan penghantaran pulang hendaklah berdasarkan perbelanjaan sebenar yang ditanggung atau jumlah seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi**, yang mana lebih rendah, untuk pengangkutan jenazah **Orang Yang Diinsuranskan** kembali ke negara asalnya.

SEKSYEN 14 – ELAUN KOMA

Jika semasa **Tempoh Insurans**, **Orang Yang Diinsuranskan** mengalami **Kecederaan Badan** yang secara langsung menyebabkan atau mengakibatkan keadaan tidak sedarkan diri yang berterusan selama tempoh sembilan puluh enam (96) jam atau lebih yang memerlukan penjagaan dan perhatian berkala **Doktor Perubatan**, dan keadaan tidak sedarkan diri ini disahkan oleh **Doktor Perubatan**, **Kami** akan membayar jumlah seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi** untuk manfaat Koma.

Kami tidak akan membayar sebarang tuntutan berkaitan dengan Koma yang berpunca secara langsung daripada penyalahgunaan alkohol atau dadah.

SEKSYEN 15 – MANFAAT PROSTESIS, KERUSI RODA DAN UBAH SUAI RUMAH

Sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** mengalami **Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan**, **Kami** akan membayar balik **Orang Yang Diinsuranskan** perbelanjaan yang perlu ditanggung sehingga jumlah yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi** untuk:

- (a) membeli peralatan perubatan (termasuk implan sama ada kekal atau sementara) dan tidak terhad kepada pembelian kerusi roda, tongkat, lengan atau kaki palsu.
- (b) pengubahan kepada kenderaan motor dengan kawalan dilaras sesuai; dan/atau
- (c) pengubahsuaian rumah mereka termasuk lif, landasan kerusi roda, pagar atau pegangan yang diperlukan;

dengan syarat bahawa peralatan perubatan tersebut diperlukan untuk membantu mobiliti **Orang Yang Diinsuranskan** dan disyorkan oleh **Doktor Perubatan** pakar atau pakar bedah yang merawat.

SEKSYEN 16 – MANFAAT PENYEMBUHAN

Jika dalam **Tempoh Insurans** dan dalam masa tiga puluh (30) hari selepas mengalami **Kecederaan Badan**, **Orang Yang Diinsuranskan** berada di **Hospital** selama sekurang-kurangnya dua puluh empat (24) jam atas cadangan **Doktor Perubatan** tetapi bukan untuk tujuan rehat pemulihan, **Kami** akan membayar manfaat seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi** sekali setiap **Kemalangan**.

Manfaat ini dibayar sebagai tambahan kepada sebarang jumlah yang juga dibayar di bawah Seksyen 6 – Pendapatan Harian Hospital.

SEKSYEN 17 – KECURIAN RAGUT

Sekiranya berlaku kecurian ragut, **Kami** akan membayar sehingga jumlah yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi** kepada **Orang yang Diinsuranskan** tertakluk kepada laporan polis yang dibuat. Laporan polis hendaklah dibuat dalam tempoh dua puluh empat (24) jam daripada kejadian kecurian ragut.

Maksimum satu peristiwa dalam mana-mana satu **Tempoh Insurans**.

SEKSYEN 18 – TRANSFUSI DARAH

Kami akan bayar **Orang Yang Diinsuranskan** sehingga 10% daripada **Jumlah Prinsipal Diinsuranskan** seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi** jika **Orang Yang Diinsuranskan** dijangkiti Virus Kurang Imun Manusia (HIV) akibat transfusi darah ketika **Orang Yang Diinsuranskan** menjalani rawatan perubatan bagi kecederaan atau penyakit akibat **Kemalangan** semasa **Tempoh Insurans** di **Hospital** kerajaan atau persendirian yang berlesen di dalam Malaysia (Peristiwa) dengan syarat notifikasi daripada **Orang yang Diinsuranskan** dan bukti sokongan mengenai Peristiwa daripada **Doktor Perubatan** yang merawat atau **Hospital** diserahkan kepada **Kami**.

Pampasan di bawah manfaat Transfusi Darah hanya akan dibayar jika **Orang Yang Diinsuranskan** disahkan positif mengidap Virus Kurang Imun Manusia (HIV) dalam tempoh dua (2) tahun dari tarikh transfusi darah.

SEKSYEN 19 – INDEMNITI KAD KREDIT

Jika dalam **Tempoh Insurans**, **Orang Yang Diinsuranskan** mengalami sebarang **Kecederaan Badan** yang menyebabkan **Hilang Upaya Menyeluruh Kekal** yang menghalang **Orang Yang Diinsuranskan** daripada terlibat dalam atau menghadiri pekerjaan atau apa-apa jenis pekerjaan, **Kami** akan membayar baki kad kredit tertunggak semasa bulan **Kemalangan Orang Yang Diinsuranskan** (ditolak sebarang tunggakan tertunggak dari bulan-bulan sebelumnya sebelum bulan **Kemalangan**) yang ditanggung oleh **Orang Yang Diinsuranskan** sebelum tarikh **Kemalangan** sehingga jumlah yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi** untuk Indemniti Kad Kredit ini dengan syarat:

- Tiada faedah terakru atau caj kewangan perlu dibayar di bawah manfaat ini;
- Orang Yang Diinsuranskan** tidak berhak mendapat perlindungan ini dari mana-mana sumber lain; dan
- Orang Yang Diinsuranskan** adalah **berumur** melebihi lapan belas (18) tahun.

PERUNTUKAN KHAS

1. Pendedahan

Manfaat yang ditunjukkan akan dibayar jika akibat daripada **Kemalangan**, **Orang yang Diinsuranskan** terdedah kepada unsur-unsur semula jadi yang tidak dapat dielakkan dan mengalami **Kematian** atau hilang upaya.

2. Kehilangan

Sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** hilang semasa insurans ini berkuat kuasa, dan badannya tidak dijumpai dalam tempoh satu (1) tahun selepas kehilangannya dan bukti yang mencukupi dan memuaskan telah dikemukakan kepada **Syarikat** dan membawa **Syarikat** kepada kesimpulan yang tidak dapat dielakkan bahawa dia mengalami **Kecederaan Badan Akibat Kemalangan** dan kecederaan tersebut telah mengakibatkan **Kematiannya**, **Syarikat** akan membayar manfaat **Kematian** di bawah **Polisi** ini dengan syarat bahawa orang atau orang-orang yang menerima jumlah yang dibayar hendaklah menandatangani satu akujanji untuk memulangkan jumlah sedemikian kepada **Syarikat** sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** tersebut didapati masih hidup kemudiannya.

3. Koma

Setelah mendapat pengesahan oleh **Doktor Perubatan** bahawa **Orang Yang Diinsuranskan** telah berada dalam keadaan koma selama sekurang-kurangnya satu (1) tahun akibat **Kemalangan**, **Kami** akan membayar 100% **Jumlah Prinsipal Diinsuranskan**, tertakluk kepada jumlah peratusan keseluruhan di bawah Seksyen 1 - **Kematian Akibat Kemalangan** atau **Hilang Upaya Kekal**. Walau bagaimanapun, **Kami** mempunyai hak untuk mendapatkan semula bayaran yang dibuat jika **Orang Yang Diinsuranskan** kemudiannya sedar semula dengan syarat potongan sepuluh peratus (10%) daripada bayaran tersebut akan dibuat untuk setiap tahun **Orang Yang Diinsuranskan** berada dalam keadaan koma.

4. Pengumpulan

Jika sebilangan **Orang Yang Diinsuranskan** menggunakan perkhidmatan pengangkutan yang sama, liabiliti **Kami** membayar pampasan di bawah **Polisi** ini hendaklah terhad kepada **Jumlah Prinsipal Diinsuranskan** atau maksimum RM 10,000,000 yang mana lebih rendah, bagi **Polisi** tanpa had pengangkutan seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi**. Bagi **Polisi** dengan had pengangkutan yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi**, pampasan adalah terhad kepada had tersebut. Sekiranya agregat **Jumlah Prinsipal Diinsuranskan** bagi **Orang Yang Diinsuranskan** berada dalam pengangkutan yang sama melebihi (a) jumlah yang lebih rendah untuk **Polisi** tanpa had pengangkutan, atau (b) had pengangkutan yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi**, seperti yang berkenaan, **Kami** akan menyelesaikan tuntutan masing-masing **Orang Yang Diinsuranskan** secara berkadar berdasarkan **Jumlah Prinsipal Diinsuranskan**.

5. Fasal Mabuk

Adalah dengan ini dipersetujui dan diambil perhatian bahawa **Polisi** ini diperluaskan untuk melindungi **Kematian Akibat Kemalangan** atau **Kecederaan Badan** kepada **Orang Yang Diinsuranskan** akibat mabuk alkohol tetapi tidak termasuk liabiliti apabila **Orang Yang Diinsuranskan** sedang menunggang atau memandu dengan kadar alkohol dalam nafas, darah atau air kencing melebihi tahap yang ditetapkan oleh undang-undang.

Tertakluk kepada terma dan syarat **Polisi**.

6. Lanjutan Risiko Menunggang Motosikal

Adalah dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa **Polisi** ini diperluaskan untuk melindungi **Orang Yang Diinsuranskan** terhadap **Kematian** dan/atau hilang upaya seperti yang ditakrifkan akibat **Kemalangan** yang berpunca daripada motosikal (sama ada sebagai penunggang atau pembonceng).

Dengan syarat bahawa lanjutan ini tidak terpakai sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** mengambil bahagian dalam mana-mana sukan bermotor, rali, pertandingan, ujian kelajuan dan/atau ujian kebolehpercayaan.

7. Mogok, Rusuhan dan Kekecohan Awam

Adalah dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa Polisi ini diperluaskan untuk melindungi **Orang Yang Diinsuranskan** terhadap **Kematian** dan/atau hilang upaya seperti yang ditakrifkan, yang berpunca daripada mogok, rusuhan dan kekecohan awam, dengan syarat bahawa lanjutan ini tidak terpakai sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** mengambil bahagian dalam sebarang gangguan ketenteraman awam.

8. Fasal Pembunuhan dan Serangan Tanpa Provokasi

Walau apa pun yang bertentangan di sini, adalah dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa **Polisi** ini diperluaskan untuk melindungi risiko "Pembunuhan Dan Serangan Tanpa Provokasi".

9. Pengendorsan Penculikan/Rampasan

Adalah dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa **Polisi** ini diperluaskan untuk melindungi **Kecederaan Badan** seperti yang ditakrifkan yang berpunca daripada penculikan/rampasan atau sebarang percubaan dan pendedahan akibat daripadanya dengan syarat ia tidak secara langsung atau tidak langsung disebabkan atau disumbangkan atau dapat dikesan oleh **Peperangan**, pencerobohan, perbuatan musuh asing, permusuhan (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan atau rampasan kuasa tentera.

PENGECUALIAN AM

Kami tidak akan membayar manfaat untuk sebarang kejadian yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau akibat daripada atau boleh dikesan kepada:

1. **Peperangan**, pencerobohan, perbuatan musuh asing, permusuhan (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, penentangan, revolusi, rusuhan, tentera atau rampasan kuasa.
2. Bahan senjata nuklear, radiasi pengionan atau pencemaran oleh radioaktiviti dari mana-mana bahan api nuklear atau dari mana-mana sisa nuklear dari pembakaran bahan api nuklear. Untuk tujuan pengecualian ini pembakaran hendaklah termasuk apa-apa proses pembelahan nuklear sendiri.
3. Kerugian, kos atau perbelanjaan yang timbul daripada atau berkaitan dengan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, akibat daripada Keganasan apabila tindakan dan/atau **Tindakan Keganasan** tersebut melibatkan penggunaan senjata Nuklear, Kimia atau Biologi pemusnah besar-besaran walau bagaimanapun ia boleh diedarkan atau digabungkan.
4. HIV (Virus Kurang Imun Manusia) dan/atau **Penyakit** berkaitan HIV termasuk **AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit)** dan/atau sebarang derivatif mutan atau variasi yang disebabkan.
5. **Kecederaan** membunuh diri sendiri yang disengajakan atau sebarang cubaan terhadapnya semasa siaman atau tidak siaman.
6. (a) Sebarang bentuk atau jenis **Penyakit**, "illness", "sickness", patogen (virus, bakteria, kulat, protozoa, parasit atau cacing) serangan atau jangkitan, wabak pandemik, gangguan perubatan, **Keadaan Yang Sedia Ada**, kecacatan fizikal atau mental atau kelemahan. Walau bagaimanapun, penyakit yang dinamakan secara khusus di bawah Seksyen 7 – Kematian Akibat Demam Denggi, akan dilindungi di bawah keadaan tertentu seperti yang dinyatakan.
(b) Melahirkan anak, keguguran, kehamilan, atau apa-apa komplikasi daripadanya, melainkan kejadian tersebut disebabkan semata-mata dan secara langsung akibat **Kemalangan**.
7. Kesan ubat melainkan jika ubat tersebut diambil di bawah arahan **Doktor Perubatan** yang berkelayakan secara sah untuk **Penyakit** dan bukan untuk rawatan ketagihan dadah.
8. **Orang Yang Diinsuranskan** terlibat dalam, mengambil bahagian dalam, atau berkaitan dengan perkara berikut:
 - (a) mana-mana polis, angkatan tentera, perkhidmatan atau operasi tentera laut atau udara atau operasi pertahanan yang dirancang oleh Pihak Berkuasa Awam atau Tentera untuk menentang penjahat, pengganas atau unsur lain;
 - (b) penerbangan atau sebarang aktiviti udara, selain sebagai penumpang yang membayar tambang dalam pesawat terbang biasa yang berlesen serta dimiliki dan/atau dikendalikan oleh badan pengangkutan udara yang telah diiktiraf menyediakan perkhidmatan udara yang berjadual melalui laluan yang ditetapkan;
 - (c) sebarang aktiviti sukan **Profesional** atau semi-profesional termasuk bersentuhan anggota badan, bertinju, bergusti, sebarang seni mempertahankan diri, memburu, polo, lumba kuda berhalangan atau pertunjukan terjun, **Mendaki Gunung**, memanjat batuan, menggali lubang dan gua, payung terjun, meluncur gantung atau terjun lelabah, meluncur ais atau sebarang jenis sukan musim sejuk, sukan air dan sebarang kegiatan dalam air yang menggunakan alat pernafasan bawah air, rali atau pertandingan bermotor, ujian kelajuan, ujian kebolehpercayaan atau sebarang jenis perlumbaan kecuali menggunakan kaki, dan persembahan berisiko tinggi oleh penghibur profesional atau akrobat;
 - (d) penggunaan sebarang jenis mesin perkayuan yang digerakkan oleh kuasa mekanikal atau gergaji bulat bagi tujuan pekerjaan dan profesion **Orang Yang Diinsuranskan**, bekerja sebagai blaster, pembuat bahan letupan, bomba, pekerja bawah tanah, pembersih tingkap bangunan tinggi, pekerja pembalakan atau kilang papan, kelasi, kru kapal atau nelayan;
 - (e) semasa melakukan atau cuba melakukan apa-apa aktiviti jenayah, menyalahi undang-undang atau berniat jahat, termasuk penentangan terhadap penangkapan dan menunggang atau memandu tanpa lesen memandu yang sah.
9. Apabila **Orang Yang Diinsuranskan** sedang menunggang atau memandu atau merupakan seorang penumpang atau penumpang dalam kenderaan motor yang dipandu oleh seseorang, di bawah pengaruh alkohol sementara bahagian alkohol dalam nafas, darah atau air kencing yang melebihi tahap yang ditetapkan oleh undang-undang.
10. **Orang Yang Diinsuranskan** dalam perjalanan (sama ada sebagai pemandu, pembantu atau penumpang) dalam mana-mana lori tangki dan/atau lori atau trak yang digunakan untuk pengangkutan kayu dan/atau kayu balak, atau bahan berbahaya.
11. Pengecualian Penyakit Berjangkit – LMA 5394
 1. Walau apa pun peruntukan yang bertentangan dalam **Polisi** ini, ia mengecualikan sebarang kerugian, kerosakan, liabiliti, tuntutan, kos atau apa sahaja perbelanjaan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh atau berhubung dengan penyakit berjangkit atau ketakutan atau ancaman (sama ada benar atau dirasakan) daripada penyakit berjangkit tanpa mengira sebab atau kejadian lain yang menyumbang secara serentak atau mengikut urutan lain.
 2. Seperti yang digunakan di sini, penyakit berjangkit bermaksud penyakit yang disebarkan melalui apa-apa bahan atau ejen dari mana-mana organisma ke organisma lain di mana:
 - 2.1 bahan atau ejen termasuk tetapi tidak terhad kepada, virus, bakteria, parasit atau organisma lain atau sebarang variasi,

- sama ada dianggap hidup atau tidak, dan
- 2.2 kaedah penularan sama ada secara lansung atau tidak lansung, merangkumi tetapi tidak terhad kepada, penularan melalui udara, penularan melalui cecair badan, penularan dari atau kemana-mana permukaan atau objek, pepejal, cecair atau gas atau antara organisma, dan
 - 2.3 penyakit itu, bahan atau ejen boleh menyebabkan atau mengancam kerosakan pada kesihatan manusia atau kesejahteraan manusia atau boleh menyebabkan atau mengancam kerosakan, kemerosotan, kehilangan nilai, kebolehpasaran atau kehilangan penggunaan harta benda.

SYARAT – SYARAT AM

1. Perubahan

Kami berhak untuk meminda terma dan syarat **Polisi** ini dan sebarang pemindaan terhadap **Polisi** ini hanya akan dianggap sah jika dibenarkan oleh **Kami** dan diendorskan di sini.

2. Prasyarat Liabiliti

Pematuhan sewajarnya dan memenuhi terma, syarat dan pengendorsan **Polisi** ini setakat yang berkaitan dengan apa sahaja yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh **Pemegang Polisi** dan semua **Orang Yang Diinsuranskan** di bawah **Polisi** ini serta kebenaran kenyataan dan jawapan dalam cadangan tersebut hendaklah menjadi prasyarat kepada sebarang liabiliti **Kami** untuk membuat sebarang pembayaran di bawah **Polisi** ini.

3. Tempat Tinggal atau Perjalanan ke Luar Negara

Jika **Orang Yang Diinsuranskan** menetap di luar Malaysia selama lebih daripada sembilan puluh (90) hari berturut-turut, **Orang Yang Diinsuranskan** hanya berhak membuat tuntutan di bawah Seksyen 1 - Kematian Akibat Kemalangan atau Hilang Upaya Kekal.

4. Perubahan Risiko

Pemegang Polisi atau **Orang Yang Diinsuranskan** hendaklah memberitahu **Kami** secara bertulis dengan segera sekiranya berlaku mana-mana satu atau lebih daripada peristiwa berikut:

- (a) sekiranya terdapat perubahan dalam pekerjaan atau profesion mana-mana **Orang yang Diinsuranskan**;
- (b) sekiranya **Pemegang Polisi** atau mana-mana **Orang Yang Diinsuranskan** menyedari sebarang kecederaan, penyakit atau kecacatan fizikal dan/atau penyakit yang dihidapinya.

Setelah menerima pemberitahuan, **Kami** mungkin memerlukan pembayaran premium tambahan atau menamatkan **Polisi** menurut Syarat 9(c).

5. Patuh Dengan Terma Polisi

Pemegang Polisi dan setiap **Orang Yang Diinsuranskan** hendaklah meneliti, memenuhi dan mematuhi semua terma, peruntukan dan syarat-syarat **Polisi** ini sebelum **Kami** bertanggungjawab untuk membuat sebarang pembayaran kepada **Pemegang Polisi** dan **Orang Yang Diinsuranskan**.

6. Salah Nyataan / Penipuan

Kami berhak untuk tidak membayar sebarang manfaat dan/atau menamatkan **Polisi** ini sekiranya:

- (a) mana-mana kenyataan yang diberikan dalam cadangan dan pengisytiharan **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan** adalah tidak benar atau jika **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan** dengan sengaja menyalahgambarkan, salah nyata, menekan, atau meninggalkan fakta kenyataan; atau
- (b) sebarang tuntutan yang dibuat adalah penipuan atau ditokok tambah.

7. Prosedur Tuntutan

Sekiranya berlaku tuntutan:

- (a) **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan** hendaklah memberitahu **Kami** dalam masa empat belas (14) hari selepas berlakunya **Kemalangan** itu, dan melengkapkan borang tuntutan **Kami** dan memberikan **Kami** semua maklumat yang **Kami** mungkin perlukan secara munasabah;
- (b) **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan** hendaklah memberi **Kami** atas perbelanjaan **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan**, semua siji dan bukti perubatan dan lain-lain yang mana **Kami** mungkin perlukan secara munasabah untuk menilai tuntutan tersebut;
- (c) **Orang Yang Diinsuranskan** hendaklah menjalani sebarang pemeriksaan perubatan yang **Kami** mungkin perlukan dalam penilaian tuntutan, dan yang mana **Kami** akan aturkan atas perbelanjaan **Kami**, dan **Orang Yang Diinsuranskan** hendaklah menghadiri sebarang pemeriksaan dalam tempoh tersebut atau tempoh sebagaimana yang mungkin **Kami** kehendaki secara munasabah;
- (d) **Kami** berhak atas perbelanjaan pihak menuntut untuk mendapatkan laporan pemeriksaan bedah siasat dan toksikologi ke atas **Orang Yang Diinsuranskan**. Notis akan diberikan kepada **Kami**:
 - (i) sebelum penginterniran atau pembakaran mayat; atau
 - (ii) jika inkues telah dijadualkan menyatakan masa dan tempat inkues tersebut.

8. Pembaharuan

Kami tidak terikat untuk memperbaharui **Polisi** ini atau menghantar sebarang notis mengenai premium pembaharuan yang perlu dibayar.

9. Pembatalan

- (a) **Pemegang Polisi** boleh membatalkan **Polisi** ini pada bila-bila masa dengan memaklumkan **Kami** secara bertulis dan **Kami** akan membayar balik sebarang premium bagi **Tempoh Insurans** yang belum tamat, dikira mengikut Kadar Tempoh Pendek **Kami** di bawah, dengan syarat tiada tuntutan yang timbul dalam **Tempoh Insurans**.

Tempoh Insurans tidak melebihi	Kadar Tempoh Pendek daripada premium tahunan yang akan dikenakan
2 bulan	35%
3 bulan	45%
4 bulan	55%
5 bulan	65%
6 bulan	75%
Lebih 6 bulan	100%

Tertakluk kepada premium minimum sebanyak RM60 yang akan disimpan oleh **Kami**.

- (b) Sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** meninggalkan pekerjaannya dengan **Pemegang Polisi** semasa **Tempoh Polisi** ini berkuat kuasa, insurans bagi **Orang Yang Diinsuranskan** tersebut secara automatik dibatalkan, dengan syarat tiada tuntutan timbul semasa **Tempoh Insurans**, **Kami** akan membayar balik kepada **Pemegang Polisi** bahagian berkadar premium yang bersamaan dengan **Tempoh Insurans** yang belum tamat.
- (c) **Kami** boleh membatalkan **Polisi** ini atau insurans berkenaan dengan mana-mana **Orang Yang Diinsuranskan** pada bila-bila masa dengan memberi **Pemegang Polisi** notis bertulis selama tujuh (7) hari melalui Surat Berdaftar di alamat **Pemegang Polisi** yang terakhir diketahui oleh **Kami**, dan **Kami** akan membayar balik kepada **Pemegang Polisi** bahagian berkadar premium yang bersamaan dengan **Tempoh Insurans** yang belum tamat, dengan syarat tiada tuntutan timbul semasa **Tempoh Insurans**.
10. **Penamatan Perlindungan Secara Automatik**
Perlindungan di bawah **Polisi** ini berkenaan mana-mana **Orang Yang Diinsuranskan** akan tamat berikutan peristiwa-peristiwa berikut, yang mana lebih awal:
- (a) **Orang yang Diinsuranskan** tidak memenuhi mana-mana keperluan kelayakan yang dinyatakan dalam **Polisi**;
(b) pada tarikh tuntutan dibuat hingga seratus peratus (100%) daripada **Jumlah Prinsipal Diinsuranskan**;
(c) apabila **Orang yang Diinsuranskan** tidak lagi bekerja dengan **Pemegang Polisi**;
(d) apabila tamat **Tempoh Insurans**; atau
(e) pada tarikh **Polisi** dibatalkan.
11. **Fasal Penambahan dan Pemandaman Automatik (Terpakai kepada Dasar Yang Dinamakan)**
Adalah dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa mana-mana **Orang Yang Diinsuranskan** baharu tambahan yang dilantik oleh **Pemegang Polisi** selepas tarikh permulaan **Polisi** ini dilindungi secara automatik di bawah **Polisi** ini dengan syarat bahawa **Pemegang Polisi** hendaklah mengisytiharkan kepada **Kami** tentang kemasukan **Orang Yang Diinsuranskan** baharu dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh mereka bekerja dan membayar premium tambahan tersebut.
- Dengan ini juga dipersetujui bahawa mana-mana **Orang Yang Diinsuranskan** yang meninggalkan pekerjaan di bawah **Pemegang Polisi** semasa **Tempoh Insurans** akan dipadamkan secara automatik daripada **Polisi** ini, dan sebarang bayaran balik premium yang bersesuaian akan dikembalikan dengan sewajarnya.
12. **Fasal Penambahan dan Pemandaman Automatik (Terpakai kepada Dasar Tidak Dinamakan)**
Dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa sebarang penambahan bilangan **Orang Yang Diinsuranskan** yang bekerja dengan **Pemegang Polisi** di bawah mana-mana jawatan pekerjaan atau kategori pekerjaan yang dipersetujui secara khusus selepas tarikh permulaan **Polisi** ini dilindungi secara automatik di bawah **Polisi** ini, dengan syarat **Pemegang Polisi** mengisytiharkan penambahan bilangan tersebut kepada **Kami** dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh mereka bekerja dan membayar premium tambahan tersebut.
- Dengan ini juga dipersetujui bahawa sebarang pengurangan dalam bilangan **Orang Yang Diinsuranskan** di bawah mana-mana jawatan pekerjaan atau kategori pekerjaan yang dipersetujui secara khusus selepas tarikh permulaan **Polisi** ini perlu diisytiharkan kepada **Kami** dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh mereka berhenti bekerja semasa **Tempoh Insurans**. Pengurangan tersebut hendaklah didaftarkan dalam **Polisi**, dan sebarang bayaran balik premium yang bersesuaian akan dikembalikan dengan sewajarnya.
13. **Pentadbir Undang-undang**
Polisi ini akan ditadbir dan ditafsir mengikut undang-undang Malaysia.
- Tiada tindakan di sisi undang-undang atau ekuiti yang boleh dibawa untuk menuntut ke atas **Polisi** ini sebelum tamat tempoh enam puluh (60) hari selepas bukti kerugian bertulis telah diberikan mengikut keperluan **Polisi** ini.
14. **Had Wilayah**
Polisi ini menyediakan perlindungan 24 jam **Di Seluruh Dunia**.
15. **Mata Wang Dan Kadar Pertukaran**
Semua premium hendaklah dibayar dalam Ringgit Malaysia. Sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** dimasukkan ke **Hospital** dan/atau menerima rawatan perubatan di luar Malaysia dan memberikan **Kami** bil dalam mata wang selain daripada Ringgit Malaysia, **Kami** akan berdasarkan kadar pertukaran yang disebut (kadar pasaran terbuka jika pasaran bebas, kadar rasmi jika bukan pasaran bebas) pada tarikh **Orang Yang Diinsuranskan** dibenarkan keluar dari **Hospital** dan membayar sebarang tuntutan dalam Ringgit Malaysia.
16. **Penyerahan**
Kami akan, melainkan dinyatakan dengan jelas melalui pengendorsan pada **Polisi** ini, berhak untuk memperlakukan **Pemegang Polisi** sebagai pemilik mutlak **Polisi** dan tidak akan terikat untuk mengiktiraf sebarang tuntutan ekuiti atau lain-lain atau kepentingan ke atas **Polisi** dan penerimaan wang tuntutan oleh **Pemegang Polisi** (atau wakil diri sah **Pemegang Polisi**) atau Penama sahaja akan menjadi pelepasan yang berkesan.
17. **Timbang Tara**
Semua perbezaan yang timbul daripada **Polisi** ini hendaklah dirujuk kepada keputusan Penimbang Tara atau Ombudsman Perkhidmatan Kewangan yang dilantik secara bertulis oleh **Anda** dan **Kami**. Jika tiada persetujuan keatas satu Penimbang Tara, maka dua Penimbang Tara hendaklah dilantik secara bertulis, seorang oleh **Anda** dan seorang lagi oleh **Kami**, dalam masa satu bulan kalendar dari tidak adanya persetujuan. Jika tiada persetujuan di antara Penimbang Tara, seorang Pengadil hendaklah dilantik oleh Penimbang Tara secara bertulis sebelum mendengar rujukan. Sebarang tindakan guaman yang diambil oleh Pemegang Polisi terhadap **Syarikat** keatas Polisi bagi apa saja sebab hanya boleh dibuat selepas suatu Tawaran oleh Penimbang Tara dan/atau Pengadil.
- Walau apa pun rujukan kepada timbang tara di atas, jika jumlah yang dipertikaikan adalah kurang daripada RM250,000 **Anda** boleh rujuk perkara ini kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan untuk menyelesaikan pertikaian tersebut.
18. **Penolakan**
Sekiranya **Kami** menafikan liabiliti untuk sebarang tuntutan, **Pemegang Polisi** mesti merujuk tuntutan kepada (i) penimbang tara seperti yang diperuntukkan di bawah Syarat 17 dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar dari tarikh penafian **Kami**, atau (ii) Ombudsman Perkhidmatan Kewangan seperti yang diperuntukkan di bawah Syarat 17 dalam tempoh enam (6) bulan kalendar dari

tarikh keputusan muktamad **Kami**. Sekiranya **Pemegang Polisi** tidak berbuat demikian maka tuntutan itu hendaklah bagi semua tujuan dianggap telah digugurkan dan tidak akan dapat dikembalikan di bawah **Polisi** ini.

19. Tugas Pendedahan

A. Kontrak Insurans Pelanggan

Di mana **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan** telah memohon untuk Insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion, **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan** mempunyai tanggungjawab untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan yang terdapat dalam Borang Cadangan (atau semasa **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan** memohon insurans ini) seperti contoh, **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan** patut menjawab soalan-soalan dengan lengkap dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan tuntutan **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan**, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan** selaras dengan remedi di Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan** juga dikehendaki untuk mendedahkan perkara-perkara lain yang **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan** tahu akan mempengaruhi keputusan **Kami** dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan.

Pemegang Polisi atau **Orang Yang Diinsuranskan** juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu **Kami** dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan** telah ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan **Kami** apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan (atau semasa **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan** memohon insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

B. Kontrak Insurans Komersial

Di mana **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan** telah memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion, **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan** mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan** tahu yang akan mempengaruhi keputusan **Kami** dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan**, keengganan atau pengurangan tuntutan **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan**, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan**.

Pemegang Polisi atau **Orang Yang Diinsuranskan** juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu **Kami** dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan** telah ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan **Kami** apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan (atau semasa **Pemegang Polisi** atau **Orang Yang Diinsuranskan** memohon insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

20. Waranti Premium

Ia merupakan syarat utama dan mutlak kontrak insurans ini bahawa **Kami** mesti menerima premium yang perlu dibayar dalam tempoh enam puluh (60) hari dari **Tarikh Kuat Kuasa Polisi**/Pengendorsan/Sijil Pembaharuan.

Jika **Pemegang Polisi** tidak mematuhi syarat ini, maka kontrak ini akan dibatalkan secara automatik dan **Kami** berhak menerima premium pro rata untuk tempoh perlindungan yang diberikan kepada **Orang Yang Diinsuranskan**.

Sekiranya ejen yang diberi kuasa oleh **Kami** menerima premium yang perlu dibayar, maka untuk tujuan waranti ini, **Kami** akan menganggap bahawa **Kami** telah menerima premium tersebut. Tanggungjawab untuk membuktikan bahawa premium yang perlu dibayar telah diterima oleh seseorang yang tidak diberi kuasa untuk menerima premium tersebut (termasuk ejen insurans), terletak pada **Kami**.

Waranti premium ini tidak akan memberi kesan dan akan tertakluk kepada semua terma dan syarat lain dalam **Polisi** ini.

21. Had Sekatan dan Fasal Pengecualian

Kami tidak akan bertanggungjawab untuk memberikan sebarang perlindungan dan tidak bertanggungjawab untuk membayar apa-apa tuntutan atau memberikan apa-apa manfaat di bawah ini kepada tahap di mana peruntukan perlindungan itu, pembayaran tuntutan atau peruntukan bagi apa-apa manfaat itu akan mendedahkan **Kami** kepada apa-apa sekatan, larangan atau sekatan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau perdagangan atau sekatan ekonomi, undang-undang atau peraturan-peraturan Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat.

22. Akta Perlindungan Data Peribadi 2010

Dengan memberikan maklumat peribadi kepada **Kami**, **Anda** memberi **Kami** kebenaran dan **Anda** telah mendapat kebenaran **Orang Yang Diinsuranskan** untuk **Kami** untuk menggunakan maklumat peribadi seperti yang dinyatakan di bawah:

- i. Memproses data peribadi dengan niat untuk memasuki kontrak insurans.
- ii. **Anda** dan **Orang Yang Diinsuranskan** bersetuju dan membenarkan **Kami** menyimpan data dan berkongsi data dengan pembekal perkhidmatan **Kami** iaitu,
 - (a) Penyelaras berlesen berdaftar,
 - (b) Peguam cara, dan mana-mana badan profesional lain bagi tujuan memenuhi kontrak insurans,
 - (c) Syarikat Insurans dan Syarikat Insurans Semula,
 - (d) ISM Insurance Services Malaysia Bhd.
- iii. Untuk memberitahu subjek data (pencadang) mengenai hak-hak beliau untuk mendapatkan akses dan memohon pembetulan data peribadi beliau.

Notis: Selaras dengan peruntukan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, **Anda** boleh menghubungi Pusat Perhubungan Pelanggan **Kami** untuk butiran data peribadi **Anda**. Maklumat tersebut hanya akan diberikan selepas pengesahan. **Anda** boleh mengemas kini/membetulkan data dengan menyediakannya kepada **Kami** secara bertulis.

MANFAAT PILIHAN

Manfaat Pilihan berikut dilindungi sebagai sebahagian daripada **Polisi** ini jika Manfaat Pilihan tersebut dinyatakan dalam **Jadual Polisi** dengan bayaran premium yang diperlukan:

1. Manfaat Mingguan

(Kelayakan untuk membeli: **Orang yang Diinsuranskan** mestilah berusia di bawah tujuh puluh satu (71) tahun)

- A. **Hilang Upaya Menyeluruh Sementara**, iaitu, jika kecederaan tersebut berlaku dalam tempoh dua puluh (20) hari dari tarikh **Kemalangan** yang menyebabkan **Orang Yang Diinsuranskan** hilang upaya secara menyeluruh dan berterusan, dan menghalang **Orang Yang Diinsuranskan** daripada terlibat dalam atau menghadiri dalam apa-apa cara kepada perniagaan, pekerjaan atau profesion biasa **Orang Yang Diinsuranskan**, **Kami** akan membayar kepada **Orang Yang Diinsuranskan** pampasan mingguan seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi**.
- B. **Hilang Upaya Separa Sementara**, iaitu, jika kecederaan tersebut berlaku dalam tempoh dua puluh (20) hari dari tarikh **Kemalangan** atau serta merta selepas tempoh hilang upaya menyeluruh yang dilindungi di bawah manfaat **Hilang Upaya Menyeluruh Sementara** yang berterusan dan menghalang **Orang Yang Diinsuranskan** daripada menghadiri sebahagian besar urusan biasa perniagaan, pekerjaan atau profesionnya, **Kami** akan membayar untuk tempoh hilang upaya separa berterusan tersebut sebagai pampasan mingguan sehingga 50% daripada indemniti mingguan yang diberikan di bawah manfaat **Hilang Upaya Menyeluruh Sementara**.

Tempoh maksimum agregat di mana pampasan dibayar di bawah manfaat **Hilang Upaya Menyeluruh Sementara** dan **Hilang Upaya Separa Sementara** hendaklah tidak melebihi lima puluh dua (52) minggu dari tarikh **Kemalangan**.

Manfaat ini hanya dibayar jika **Orang Yang Diinsuranskan** memberikan kepada **Kami** sijil perubatan asal yang dikeluarkan oleh **Doktor Perubatan** yang bertauliah.

Manfaat ini akan ditamatkan pada tarikh hilang upaya tersebut menjadi **Hilang Upaya Kekal**.

2. Perlindungan Acara Korporat untuk Keluarga

Jika dalam **Tempoh Insurans**, **Pemegang Polisi** menganjurkan acara untuk pekerja termasuk ahli keluarga mereka, **Kami** akan melanjutkan perlindungan kepada pasangan sah dan/atau **Anak Tanggungan Orang Yang Diinsuranskan** yang menyertai acara dan kemudiannya mengalami **Kecederaan Badan** dalam tempoh lima (5) hari pertama acara untuk:

- A. **Kematian Akibat Kemalangan atau Hilang Upaya Kekal**
Kami akan membayar pasangan dan/atau setiap **Anak Tanggungan Orang Yang Diinsuranskan** untuk **Kematian Akibat Kemalangan** atau **Hilang Upaya Kekal**, sehingga RM25,000 seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi** untuk Manfaat Pilihan 2 – Perlindungan Acara Korporat untuk Keluarga di bawah Seksyen 1 – Kematian Akibat Kemalangan atau Hilang Upaya Kekal, mana-mana satu (1) keluarga, setiap acara.
- B. **Perbelanjaan Perubatan dan Pembedahan Akibat Kemalangan**
Kami akan membayar balik **Perbelanjaan Perubatan dan Pembedahan Akibat Kemalangan** pasangan dan/atau setiap **Anak Tanggungan Orang Yang Diinsuranskan** sehingga jumlah maksimum yang diinsuranskan seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi** untuk Manfaat Pilihan 2 – Perlindungan Acara Korporat untuk Keluarga – Perbelanjaan Perubatan dan Pembedahan Akibat Kemalangan, mana-mana satu (1) keluarga, setiap acara.

Anak Tanggungan, bermaksud **Anak Tanggungan Orang Yang Diinsuranskan** yang belum berkahwin (termasuk anak tiri atau anak angkat yang sah di sisi undang-undang) selagi mereka berumur di bawah sembilan belas (19) tahun atau di bawah dua puluh lima (25) tahun jika mereka merupakan pelajar sepenuh masa di institusi pengajian tinggi yang diiktiraf dan dalam mana-mana kes, bergantung kepada **Orang Yang Diinsuranskan** untuk keperluan hidup dan sokongan.

TATACARA ADUAN

Perjanjian Kami Untuk Perkhidmatan

Kami prihatin dengan perkhidmatan yang **Kami** sediakan kepada pelanggan **Kami**, dan **Kami** berusaha untuk mengekalkan piawai perkhidmatan setinggi mungkin untuk memenuhi jangkaan **Anda**. Sekiranya **Anda** memerlukan sebarang bantuan atau mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi pengantara **Anda** (ejen atau broker). Sekiranya **Anda** tiada pengantara, sila hubungi cawangan-cawangan terdekat **Kami** untuk memenuhi keperluan **Anda**.

Tatacara Aduan

Langkah 1

Rujuk perkara ini kepada Perantara atau Pengurus Cawangan **Kami** terlebih dahulu. Sekiranya **Anda** masih tidak puas hati, **Anda** hendaklah mengisi borang aduan (salinan boleh didapati dari laman sesawang **Kami** di <http://www.pacificinsurance.com.my>) dan menghantar borang aduan yang lengkap kepada Pengurus Cawangan **Kami** atau hantar terus kepada Unit Pengawasan Aduan kami di:

Unit Pengawasan Aduan,
Level 40-01, Q Sentral, 2A, Jalan Stesen Sentral 2,
Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia.
(P.O. Box 12490, 50780 Kuala Lumpur, Malaysia.)
Tel : +603-2633 8999 Fax: +603-2633 8998
E-mail: customerservice@pacificinsurance.com.my

Langkah 2

Pegawai **Kami** yang mengendalikan aduan **Anda** akan membalas kepada **Anda** dalam masa tidak lebih dari 14 hari dari tarikh penerimaan aduan. Sekiranya kes menyulitkan atau melibatkan isu rumit yang memerlukan siasatan lanjut, Pegawai **Kami** akan memberitahu **Anda** sebab-sebab kelewatan dan perlu masa tambahan untuk menyelesaikan aduan tetapi tidak melebihi 30 hari dari tarikh pertama aduan dibuat. Sekiranya keputusan tidak dapat dibuat dalam masa 30 hari disebabkan perlu mendapatkan maklumat penting atau dokumen dari pihak ketiga (seperti, laporan perubatan, forensik atau siasatan polis), Pegawai **Kami** akan mengambil tindakan susulan dengan pihak ketiga berkenaan untuk maklumat/dokumen yang diperlukan, dan memberitahu **Anda** perkembangan terkini kes sekurang-kurangnya pada setiap bulan. Jika maklumat/dokumen lengkap diterima, Pegawai **Kami** akan mengakhiri penyiasatan dan berhubung dengan **Anda** dalam masa 14 hari.

Langkah 3

Sekiranya **Anda** masih tidak berpuas hati, **Anda** boleh mengutarakan aduan **Anda** kepada biro berikut:

Pengarah
Jabatan LINK dan Pejabat Wilayah
Bank Negara Malaysia,
P. O . Box 10992, 50929 Kuala Lumpur
Te l : 1-300-88-5465; Fax: +603-2174 1515
Email: bnmtelelink@bnm.gov.my

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK)
(Dahulu dikenali sebagai Biro Pengantaraan Kewangan)
Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia
No 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur
Tel: +603-2272 2811; Fax: +603-2272 1577
Email: enquiry@ofs.org.my
(Berkenaan hal-hal tuntutan sahaja)

POLISI INI HENDAKLAH DIBACA BERSAMA DENGAN JADUAL POLISI SEBAGAI SATU KONTRAK.

Polisi ini ditulis dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia tidak setara, versi Bahasa Inggeris akan digunapakai.